

SOALAN NO. : 70

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

RUJUKAN : DN04

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah pencapaian Malaysia di dalam mematuhi Protokol Montreal untuk melindungi lapisan ozon bumi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Protokol Montreal merupakan Perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala (MEA) yang bertujuan mengawal penggunaan Bahan-bahan Pemusnah Ozon (BPO) yang berpotensi menipiskan lapisan ozon seperti Klorofluorokarbon (CFC) dan Hidroklorofluorokarbon (HCFC). Bahan HCFC ini juga mempunyai potensi pemanasan global (global warming potential atau GWP) yang agak tinggi. Oleh itu secara tidak langsung melalui pengurangan penggunaan BPO juga akan mengakibatkan pengurangan pemanasan global.

Malaysia menyertai negara-negara lain di seluruh dunia untuk melindungi lapisan ozon dengan meratifikasi Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal pada 29 Ogos 1989; Pindaan London pada 16 Jun 1993; Pindaan Beijing dan Montreal pada 21 Oktober 2001.

Sebagai Negara Parti kepada Protokol Montreal, Malaysia telah berjaya menghentikan pengimportan CFC, halon dan CTC mulai 1 Januari 2010. Penghapusan HCFC pula dibuat secara berperingkat dimulai dengan pembekuan (freeze) pengimportan pada tahap baseline yang dikira daripada purata penggunaan pada tahun 2009 dan 2010, seterusnya pengurangan 10% daripada jumlah baseline pada 2015, 35% pada 2020, 67.5% pada 2025, 97.5% pada 2030 dan pengimportan hanya dibenarkan sebanyak 2.5% sahaja bagi sektor servis sehingga tahun 2040.

Di bawah Perjanjian Protokol Montreal, Malaysia perlu mengurangkan pengimportan HCFC sebanyak 10% pada tahun 2015. Bagi memenuhi obligasi negara untuk menghapuskan 10% penggunaan HCFC pada 2015 ini, satu Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC atau HCFC Management Plan (HPMP) Stage 1 telah disediakan. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ke 65 (ExCom 65) Multilateral Fund di Bali pada 14-18 November 2011 telah meluluskan pembiayaan dana Tabung Multilateral (Multilateral Fund -MLF) bagi projek penukaran teknologi dari penggunaan bahan HCFC-141b kepada cyclopentane dalam sektor busa (foam) di 13 buah premis pembuatan busa dan bantuan teknikal di premis- premis pembuatan polyol. Pada Julai 2015, kesemua projek ini telah berjaya diselesaikan dan Malaysia telah berjaya memenuhi obligasinya dalam pematuhan pengurangan pengimportan HCFC 10%.

Gas-gas HCFC ini juga merupakan gas-gas rumah kaca yang boleh mengakibatkan fenomena "*global warming*". Oleh itu, pelaksanaan dan kejayaan projek HPMP ini akan secara langsung dapat menangani isu fenomena "*global warming*" ini. Adalah dijangkakan di akhir pelaksanaan projek HPMP Stage 1 ini pada tahun 2016, sebanyak 1.35 juta ton CO₂-equivalent dapat dikurangkan oleh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN
ISMAIL [PAYA BESAR] (BN)**

SOALAN : 71

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan menyatakan jumlah graduan GIATMARA yang dikeluarkan sejak 2010 dan adakah sistem pendidikan dan program GIATMARA ini selari kepada Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, sejak penubuhan GIATMARA pada tahun 1986, seramai 320,000 orang pelatih telah dilahirkan dalam bidang teknikal dan vokasional. Antara tahun 2010 hingga 2015 pula, GIATMARA telah melahirkan seramai 105,300 orang pelatih dengan kadar kebolehpasaran sebanyak 85%.

Program yang ditawarkan oleh GIATMARA adalah selari dengan pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang mana pada ketika ini 750 program yang ditawarkan oleh GIATMARA mendapat pentauliahan induk Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM). Selain itu, kursus yang terpilih juga mendapat pentauliahan profesional daripada badan industri atau *governing body seperti* Suruhanjaya Tenaga (ST), Electrical Inspectorate Unit dan Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Boston Consulting Group ke atas semua institusi TVET dalam negara pada 2015, 8 Pusat GIATMARA iaitu GIATMARA Bangi, Tambun, Lumut, Kota Raja, Kuala Lipis, Padang Rengas, Raub dan Tenggara berada pada

10 senarai teratas antara semua institusi TVET dalam negara.